



## Sistem Sosial Islam: Satu Alternatif ke arah Sifar Jenayah

Shukeri Mohamad<sup>1</sup>

### PENGENALAN

Isu keselamatan merupakan isu pokok dalam kehidupan masyarakat manusia. Ia menjadi matlamat hidup setiap anggota masyarakat kerana jaminan keselamatan akan membezai peluang yang luas kepada usaha pembangunan dan kemajuan masyarakat. Manakala masyarakat dan negara yang tidak selamat kerana ancaman jenayah yang serius sebenarnya sebuah masyarakat yang lemah dan pincang kerana gagal menjaga rukun kehidupan yang sangat penting itu. Adakah Malaysia sudah terjebak dalam krisis kepincangan seperti itu sekarang ini? Siapa yang patut menjaga keselamatan dan apakah caranya? Bagaimana Islam mengajar konsep keselamatan manusia dan masyarakat? Kertas kerja ini ingin menarik perhatian masyarakat bahawa peranan Islam amat besar dalam misi keselamatan dan kesejahteraan samada dari segi konsep atau dari segi praktikal dan makinismenya. Namun begitu oleh kerana sebahagian pemimpin negara tidak bersedia menggunakan Islam sebagai panduan kenegaraan, maka peranan Islam tidak dapat dilihat dengan jelas dalam masyarakat kita, termasuklah dalam usaha mengatasi gejala jenayah yang begitu kritikal masa kini. Oleh itu diharap kertas ini dapat membantu memberikan gambaran asas bagaimana peranan Islam dalam menjayakan misi keselamatan dan menangani gejala jenayah yang berbagai-bagai bentuknya, tetapi bukanlah untuk menghapuskan jenayah keseluruhannya, kerana ia tidak mungkin berlaku. Insya Allah.

**Kata kunci:** sistem sosial, sifar jenayah

### ISLAM DAN SISTEM SOSIAL

Islam adalah ajaran agama yang lengkap sebagai panduan hidup manusia samada secara individu atau bermasyarakat. Panduan itu dipanggil sebagai sistem kehidupan yang syumul. Ulama Islam menyebutnya dengan istilah syariah Islamiyyah. Di peringkat individu, Syariah Islamiyyah akan memimpin setiap orang dengan rapi dalam segenap aspek, supaya selamat di sunia dan di akhirat dengan cara mencapai matlamat hidup sebagai hamba Allah dan sebagai khalifah Allah. Begitu juga sebuah masyarakat atau negara (alam seluruhnya) akan dipimpin dengan rapi oleh sistem Islam supaya dapat menjamin keselamatan dan kesejahteraan manusia. Ia merupakan program Allah Taala yang mentadbir kerajaan langit dan bumi dengan segala kebijaksanaannya.

Adapun sistem sosial dalam Islam sebenarnya adalah satu peraturan yang ditetapkan oleh Allah Taala untuk mengurus perhubungan manusia yang hidup dalam sesuatu kelompok

<sup>1</sup> Shukeri Mohamad (PhD), Profesor Madya di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (Nilam Puri).

tertentu dan menjaga semua kepentingan mereka, samada dalam sebuah rumah tangga, kampung, negeri, negara atau di seluruh dunia. Di antara kepentingan mereka yang dijaga oleh Islam ialah keselamatan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Bagi mempastikan seluruh kepentingan itu dilaksanakan maka Islam mewajibkan penubuhan negara yang berdasarkan Syariah Islamiyyah kerana kerajaan Islam akan menggunakan semua kuasanya bagi menjamin kepentingan-kepentingan yang ditetapkan itu. Maka sekiranya negara yang memimpin sebuah masyarakat itu tidak menggunakan Islam, sudah tentu kepentingan-kepentingan yang dinyatakan di atas sukar diperolehi atau dicapai. Sebab itu Raslullah s.a.w diperintah untuk menjalankan pemerintahan negara berpandukan al-Quran dan al-Sunnah kerana kedua-dua panduan itulah yang dapat memimpin ke arah keselamatan dan kesejahteraan.

### **GEJALA JENAYAH ADALAH SEBAHAGIAN DARIPADA BENCANA/AZAB DARI ALLAH TAALA**

Jenayah menurut ulama fiqh bermaksud sesuatu yang dilakukan oleh manusia yang membawa kepada azab atau qisas di dunia dan di akhirat. Ada yang memberi maksud perbuatan yang diharamkan yang berkaitan dengan harta atau diri manusia.<sup>2</sup> Ada pula yang meluaskan skop kepada perbuatan yang diharamkan syarak samada yang melibatkan nyawa/diri, harta, akal, kehormatan dan sebagainya<sup>3</sup>. Ada juga yang mengkhususkan terus kepada jenayah hudud dan qisas. Selain dari perkataan jinayah, sebahagian penulis ada menggunakan istilah jarimah untuk menjelaskan maksud di atas seperti yang dilakukan oleh Syaikh Abu Zahrah<sup>4</sup>, Dr. Ahmad Fathi Bahnasi<sup>5</sup>. Al-Syahid Abdul Qadir Audah menyebut bahawa ramai para fuqaha yang menyamakan kedua-dua istilah itu<sup>6</sup>.

Berdasarkan maksud di atas, sebenarnya gejala jenayah yang menghantui masyarakat zaman sekarang sangat banyak seperti perbuatan menzalimi orang lain atau menyekat hak mereka, terutama musuh politik, menipu, mengkhianati amanah, melakukan rasuah, membuat fitnah kepada orang lain terutama musuh politik, melindungi pelaku rasuah atau penjenayah, murtad dan lain-lain lagi. Senarai hitam itu ditambah pula dengan gejala zina, minum arak, rogol, perkosaan/ pencabulan, merompak, mencuri, meragut, mendera dan mencederakan, menculik, membunuh dan berbagai-bagai lagi.

Allah Taala menyatakan bahawa berbagai kerosakan atau kemusnahan yang menimpa manusia adalah berpunca daripada kejahatan manusia itu sendiri. Firman Allah Taala: (Surah al-Rum ayat 41)

ظَاهِرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبُتْ أَيْدِيُ النَّاسِ لِيُذِيقَهُمْ بَعْضَ الَّذِي عَمِلُوا لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ ﴿٤١﴾

Maksudnya:

“Telah nampak kerosakan di darat dan di laut disebabkan karena perbuatan tangan manusia, supaya Allah merasakan kepada mereka sebahagian dari (akibat) perbuatan mereka, agar mereka kembali (ke jalan yang benar).”

<sup>2</sup> Sa'di Abu Jaib, **al-Qamus al-Fiqhi, Lughatan wa istilahan**, (1988) Dimasyq, Dar al-Fikr , hal.70

<sup>3</sup> Dr. Abdussalam Muhammad al-Syarif, **al-Mabadi' al-Syari'iyyah fi Ahkam al-Uqbat fi al-Fiqh al-Islamiy**. (1698)Beirut; Dar al-Gharb al- islamiy, Hal 56

<sup>4</sup> Nama kitab beliau ialah: **al-Jarimah wa al-Uqubah di al-Fiqh al-Islami** (t.t) Dar al-Fikr al-Arabiyy

<sup>5</sup> Di antara buku beliau ialah: **al-Jara'im fi al-Fiqh al-Islamiy** (1983) Beirut, Dar al-Syuruq.

<sup>6</sup> Abdul Qadir Audah, **al-Tayri' al-Jina'I al-Islamiy, Muqaranan bi al-Qanun al-Wad'I** (1986) Beirut, Muassasah al-Risalah, Juz 1, hal. 67

Ulama mentafsir maksud kerosakan itu sebagai bencana yang diturunkan oleh Allah Taala disebabkan kejahatan dan kezaliman manusia. Di antaranya tidak diturunkan hujan sehingga merosakkan tanaman dan mematikan ternakan yang menyebabkan manusia kebuluran dan kematian.

Bencana yang berlaku adalah mempunyai kaitan secara langsung dengan kemungkaran dan perdurhakaan manusia terhadap Allah dan ajarannya sebagaimana yang ditafsirkan oleh para Ulama. Ibn Kathir menyebut keterangan sedemikian daripada beberapa perawi hadith seperti berikut:

وقال أبو العالية: من عصى الله في الأرض فقد أفسد في الأرض؛ لأن صلاح الأرض والسماء بالطاعة؛ ولهذا جاء في الحديث الذي رواه أبو داود : "لَمْ يَقُمْ فِي الْأَرْضِ أَحَبُّ إِلَيْهَا مِنْ أَنْ يَمْطِرُوهَا أَرْبَعِينَ صَبَاحًا . " والسبب في هذا أن الحدود إذا أقيمت، انكف الناس - أو أكثرهم، أو كثير منهم - عن تعاطي المحرمات، وإذا ارتكبت المعاصي كان سبباً في محاق البركات من السماء والأرض؛ ولهذا إذا نزل عيسى [ابن مريم] عليه السلام، في آخر الزمان فحكم بهذه الشريعة المطهرة في ذلك الوقت، من قتل الخنزير وكسر الصليب ووضع الجزية، وهو تركها - فلا يقبل إلا الإسلام أو السيف، فإذا أهلك الله في زمانه الدجال وأتباعه ويأجوج ومأجوج، قيل للأرض: أخرججي بركاتك. فيأكل من الرمانة الفثام من الناس، ويستظلون بقحفها، ويكتفي لبني اللقحة الجماعة من الناس . وما ذاك إلا ببركة تنفيذ شريعة رسول الله صلى الله عليه وسلم ، فكلما أقيمت العدل كثرت البركات والخير؛ [ولهذا] ثبت في الصحيح "إِنَّ الْفَاجِرَ إِذَا ماتَ تَسْتَرِيَحُ مِنْهُ الْعِبَادُ وَالْبَلَادُ، وَالشَّجَرُ وَالدَّوَابُ . " ولهذا قال الإمام أحمد بن حنبل: حدثنا محمد والحسين قالا حدثنا عوف، عن أبي قحافة قال : وجد رجل في زمان زياد - أو ابن زياد - صرة فيها حب، يعني من بر أمثال النوع، عليه مكتوب : هذا نبت في زمان كان يعمل فيه بالعدل.

Melalui riwayat Abi Daud di atas dengan jelas Nabi s.a.w mengisyiharkan kemuliaan hukum Allah dan kehebatannya yang akan membawa kebaikan dan rahmat kepada penduduk dunia jika dilaksanakan. Maka sebaliknya apabila undang-undang Islam ditolak dan tidak diperundangkan, maka berlakulah bencana dalam masyarakat dan negara kerana kegagalan dan kelemahan sistem perundangan lain.

Memang benar kenyataan Rasulullah s.a.w bahawa matinya seorang yang jahat (*al-fajir*) itu akan memberi ketenangan kepada manusia dan negara, juga tumbuhan dan binatang-binatang.

Dari segi kehidupan masyarakat, tidak ada orang yang merasa gembira terhadap gejala jenayah yang berlaku, walaupun tidak terkena kepada diri mereka. Ia sudah dianggap perkara buruk yang tidak disukai oleh anggota masyarakat kerana ia membawa kepada kerugian harta, nyawa, pekerjaan dan sebagainya. Namun begitu masih ramai yang tidak bersungguh-sungguh mengatasi gejala jenayah yang semakin parah dengan membiarkan faktor dan punca jenayah itu terus merebak. Malah banyak pihak terus mendokong program maksiat dan kemungkaran yang dibenci oleh Allah Taala seperti pesta hiburan yang melampau, sambutan hari kebesaran dengan acara maksiat, pertandingan yang

bercanggah dengan syariah Islam, pendedahan aurat, kegiatan judi yang diberi lessen oleh kerajaan, penolakan hukum hudud dan perundangan Islam yang lain, penolakan hadith Nabi s.a.w sebagai sumber hukum Islam, penyelewengan harta rakyat dan rasuah dan sebagainya.

Sedangkan sudah jelas segala bencana yang menimpa negara adalah berpunca daripada kemungkaran tersebut. Maka turunkan kemurkaan Allah dan hilangnya kasih serta rahmatnya kepada penduduk negara ini.

Allah Taala telah memberikan amaran yang sangat keras bahawa fitnah keburukan dan kemasuhan akan menimpa semua orang kerana bala dan bencana yang Allah turunkan tidak hanya terkena puak yang zalim sahaja. Firman Allah Taala: (Surah al-Anfal, ayat 25)

وَاتَّقُوا فِتْنَةً لَا تُصِيرَنَّ الَّذِينَ ظَلَمُوا مِنْكُمْ خَاصَّةً وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٢٥﴾

Maksudnya:

“Dan peliharalah dirimu dari pada siksaan yang tidak khusus menimpa orang-orang yang zalim saja di antara kamu, dan ketahuilah bahwa Allah amat keras siksaannya Nya.”

Jelas sekali fitnah yang Allah Taala timpakan itu berpunca daripada perbuatan zalim. Namun bencana itu akan terkena kepada semua orang, bukannya ditujukan kepada pihak yang zalim sahaja.

Dalam ayat yang lain Allah telah menegaskan bahawa kemasuhan dan malapetaka adalah sebagai balasan ke atas kezaliman dan kejahatan manusia, seperti yang dinyatakan dalam ayat-ayat berikut:

Firman Allah Taala: (Surah Yunus, ayat 13)

وَلَقَدْ أَهْلَكَنَا الْقُرُونُ مِنْ قَبْلِكُمْ لَمَّا ظَلَمُوا وَجَاءَهُمْ رُسُلُهُمْ بِالْبَيِّنَاتِ وَمَا كَانُوا لِيُؤْمِنُوا كَذَلِكَ نَجَزِي

الْقَوْمَ الْمُجْرِمِينَ ﴿١٣﴾

Maksudnya:

“Dan sesungguhnya kami telah membinasakan umat-umat sebelum kamu, ketika mereka berbuat kezaliman, padahal rasul-rasul mereka telah datang kepada mereka dengan membawa keterangan-keterangan yang nyata, tetapi mereka sekali-kali tidak hendak beriman. Demikianlah kami memberi pembalasan kepada orang-orang yang berbuat dosa.”

Firman Allah Taala: (Surah al-Ahqaf, ayat 25)

الْمُجْرِمِينَ الْقَوْمَ نَجَزِي كَذَلِكَ مَسَكِّنُهُمْ إِلَّا يُرَى لَا فَأَصْبَحُوا رِهْبًا بِأَمْرِ شَيْءٍ كُلَّ تُدْمِرُ ﴿٢٥﴾

Maksudnya:

“Yang menghancurkan segala sesuatu dengan perintah Tuhan, Maka jadilah mereka tidak ada yang kelihatan lagi kecuali (bekas-bekas) tempat tinggal mereka. Demikianlah kami memberi balasan kepada kaum yang berdosa.”

Firman Allah Taala: (Surah al-An`am ayat 6)

أَلَمْ يَرُوا كَمْ أَهْلَكُنَا مِنْ قَبْلِهِمْ مِنْ فَرْنِ مَكْتَبُهُمْ فِي الْأَرْضِ مَا لَمْ نُمْكِنْ لَكُمْ وَأَرْسَلْنَا الْسَّمَاءَ عَلَيْهِمْ  
مِدْرَارًا وَجَعَلْنَا الْأَنْهَرَ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهِمْ فَأَهْلَكْنَاهُمْ بِذُنُوبِهِمْ وَأَنْشَأْنَا مِنْ بَعْدِهِمْ قَرَنًا إِخْرِينَ ﴿٢﴾

Maksudnya:

“Apakah mereka tidak memperhatikan berapa banyak generasi yang telah kami binasakan sebelum mereka, padahal (generasi itu) telah kami teguhkan kedudukan mereka di muka bumi, iaitu keteguhan yang belum pernah kami berikan kepadamu, dan kami curahkan hujan yang lebat atas mereka dan kami jadikan sungai-sungai mengalir di bawah mereka, kemudian kami binasakan mereka karena dosa mereka sendiri, dan kami ciptakan sesudah mereka generasi yang lain.”

Rasulullah s.a.w mengingatkan bahawa kehancuran akan berlaku jika kejahatan/keburukan sudah berleluasa dan tidak terkawal, walaupun masih ada golongan yang baik-baik (saleh), seperti dalam hadith berikut:

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَلِلْعَرْبِ مِنْ شَرِّ قَدْ اقْتَرَبَ فَتْحُ الْيَوْمِ مِنْ رَدْمٍ يَأْجُوجَ وَمَأْجُوجَ مِثْلَ هَذِهِ وَعَقْدَ تِسْعِينَ أَوْ مائَةٍ قَيْلَ أَوْ خَمْلَكَ وَفِينَا الصَّالِحُونَ؟ قَالَ نَعَمْ إِذَا كَثُرَ الْخَبْثُ. ٧

Imam Ibn kathir telah menyebut beberapa hadith yang menjelaskan hubungkait yang rapat antara angkara kejahatan/penyelewengan manusia dengan bala bencana dari Allah Taala. Antaranya:

قال رسول الله ص : إذا اتَّخَذَ الْغُنْيَ وَالْأَمَانَةَ مَغْنِيَا وَالزَّكَاةَ مَغْرِمَا وَتَعْلُمَ لِغَيْرِ الدِّينِ وَأَطْاعَ الرَّجُلَ امْرَاتَهِ وَعَقَ أَمَهِ وَأَدَنَى صَدِيقَهِ وَاقْصَى أَبَاهِ وَظَهَرَتِ الْأَصْوَاتُ فِي الْمَسَاجِدِ وَسَادَ الْقَبْيلَةُ فَاسِقُهُمْ وَكَانَ زَعِيمُ الْقَوْمِ أَرْذَلَهُمْ وَأَكْرَمَ الرَّجُلَ مَخَافَةً شَرِهِ وَظَهَرَتِ الْقَيْنَاتُ وَالْمَعَازِفُ وَشَرَبَتِ الْخَمُورُ وَلَعْنَ أَخْرِ هَذِهِ الْأُمَّةِ أُولَئِكَ فَلَيَتَّقَبَّلُوا عِنْدَ ذَلِكَ رِيحًا حَمِرَاءً وَخَسْفًا وَمَسْخَا وَقَذْفَا وَأَيَّاتٍ تَتَابِعُ كَظِيمَةً بَالَّتِي سَلَكَهُ فَتَتَابَعُهُ ۸

Dengan jelas dapat difahami bahawa bencana dan kerosakan yang berlaku dalam negara adalah merupakan sebahagian daripada azab Allah ke atas manusia lantaran berlakunya kezaliman, kejahatan dan penyelewangan yang berleluasa, terutamanya dari pihak berkuasa/kerajaan.

## ISLAM MENJAMIN KESELAMATAN INDIVIDU DAN MASYARAKAT

Satu kenyataan yang perlu diterima secara total bahawa Islam memimpin kepada keselamatan dan kesejahteraan kerana itulah tujuan Islam (syariah Islamiah ) diturunkan kepada manusia.

<sup>7</sup> Riwayat al-Bukhari, dipetik dari kitab Nihayah al-Bidayah wa I-Nihayah fi al-Fitan wa al-Malhim karangan Imam Ibn Kathir , (1993) Beirut; Dar Ihya al-Turath al-Arabiyy, juz 1, hal 45

<sup>8</sup> Riwayat al-Tarmizi, dipetik dari kitab Nihayah al-Bidayah wa I-Nihayah fi al-Fitan wa al-Malhim karangan Imam Ibn Kathir , (1993) Beirut; Dar Ihya al-Turath al-Arabiyy, juz 1, hal 34-35

Kita lihat sistem aqidah Islam disediakan oleh Allah Taala untuk menjaga keselamatan manusia dari kesesatan pegangan dan kepercayaan,<sup>9</sup> supaya manusia tidak bertuhankan nafsu atau makhluk atau harta dan sebagainya, sekaligus membawa kesejahteraan kepada masyarakat, kerana tauhid menyatukan manusia di atas satu prinsip keimanan. Hakikat ini disebut oleh Allah Tala di dalam al-Quran. Allah Taala menegaskan bahawa orang yang beriman dan beramal saleh akan diberikan kehidupan yang sangat baik di dunia dan akan mendapat pembalasan akhirat yang terbaik di syurga sebagaimana firman Allah Taala: (Surah al-Nahl ayat 97)

مَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِّنْ ذَكَرٍ أَوْ أُشْيَى وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيهِ حَيَاةً طَيِّبَةً وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرَهُمْ بِأَحْسَنِ مَا  
كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿٩٧﴾

Maksudnya:

“Barangsiapa yang mengerjakan amal saleh, baik laki-laki maupun perempuan dalam keadaan beriman, maka sesungguhnya akan kami berikan kepadanya kehidupan yang baik dan sesungguhnya akan kami beri balasan kepada mereka dengan pahala yang lebih baik dari apa yang telah mereka kerjakan.”

Melalui kemantapan aqidah, Allah Taala menjanjikan kuasa dan kepimpinan kepada umat Islam dalam firmannya: (Surah al-Nur ayat 55)

وَعَدَ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ لِيَسْتَخْلِفَنَّهُمْ فِي الْأَرْضِ كَمَا أَسْتَخْلَفَ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ وَلَيُمَكِّنَنَّ لَهُمْ دِيْنَ الَّذِي أَرَتَضَى لَهُمْ وَلَيُبَدِّلَنَّهُمْ مِنْ بَعْدِ خَوْفِهِمْ أَمْنًا يَعْبُدُونَنِي لَا يُشْرِكُونَ بِي شَيْئًا وَمَنْ كَفَرَ بَعْدَ ذَلِكَ فَأُولَئِكَ هُمُ الْفَسِقُونَ ﴿٥٥﴾

Maksudnya:

“Dan Allah telah berjanji kepada orang-orang yang beriman di antara kamu dan mengerjakan amal-amal yang saleh bahawa dia sungguh-sungguh akan menjadikan mereka berkuasa di muka bumi, sebagaimana dia telah menjadikan orang-orang sebelum mereka berkuasa, dan sungguh dia akan meneguhkan bagi mereka agama yang telah diridhai-Nya untuk mereka, dan dia benar-benar akan menukar (keadaan) mereka, sesudah mereka dalam ketakutan menjadi aman sentosa. mereka tetap menyembahKu dengan tiada memperseketukan sesuatu apapun dengan Aku. dan barangsiapa yang (tetap) kafir sesudah (janji) itu, maka mereka itulah orang-orang yang fasik.”

Allah Taala juga menyatakan bahawa kesempurnaan aqidah menjadi punca keselamatan di akhirat, di mana Allah Taala menetapkan orang yang akan selamat di akhirat nanti ialah yang membawa hatinya yang sejahtera. Firman Allah Taala: (Surah al-Syu`ara` ayat 88-89)

<sup>9</sup> Dr. Muhammad Hasan Abu Yahya, **Ahdaf al-Tasyri` al-Islamiy**,(1985) Amman; Dar al-Furqan li al-Nayr wa al-Tauzi` , Hal 289

يَوْمَ لَا يَنْفَعُ مَالٌ وَلَا بَنْوَنَ ﴿٨﴾ إِلَّا مَنْ أَتَى اللَّهَ بِقَلْبٍ سَلِيمٍ ﴿٩﴾

Maksudnya:

“(iaitu) di hari harta dan anak-anak laki-laki tidak berguna, kecuali orang-orang yang menghadap Allah dengan hati yang bersih.”

Hati sebenarnya adalah tempat keimanan dan pegangan atau aqidah. Maka orang yang sempurna dan baik aqidahnya adalah orang mendapat keselamatan dan kebahagiaan di akhirat.“ Maka keselamatan akhirat yang dijanjikan Allah adalah satu petanda bahawa aqidah adalah membawa keselamatan di dunia.

Dalam konteks sistem ibadat, ternyata bahawa ia bertujuan menjaga keselamatan diri manusia daripada sifat sompong dan ingkar kepada Allah yang akan menghancurkan sifat kehambaan dalam diri manusia itu sendiri. Melalui sistem ibadat, Allah membimbangi manusia menjadi orang yang stabil dan mengawal diri daripada sifat yang merosakkan diri serta orang ramai seperti firman Allah Taala : (Surah al-Ankabut, ayat 45)

أَتَلُّ مَا أُوحِيَ إِلَيْكَ مِنْ الْكِتَابِ وَأَقِمِ الصَّلَاةَ إِنَّ الظَّالِمَاتِ تَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَلَذِكْرِ

اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ﴿٤٥﴾

Maksudnya:

“Bacalah apa yang telah diwahyukan kepadamu, iaitu Al Kitab (Al Quran) dan dirikanlah salat. Sesungguhnya salat itu mencegah dari (perbuatan- perbuatan) keji dan mungkar dan sesungguhnya mengingat Allah (salat) adalah lebih besar (keutamaannya dari ibadat-ibadat yang lain). dan Allah mengetahui apa yang kamu kerjakan.”

Allah Taala memberitahu bahawa orang yang sentiasa mendirikan solat akan terselamat daripada sifat gelisah dan kedekut seperti firmannya: (Surah al-Ma`arij, ayat 19-23)

\* إِنَّ الْإِنْسَنَ خُلِقَ هُلُوقًا ﴿١٩﴾ إِذَا مَسَهُ الشَّرُّ جَزُوعًا ﴿٢٠﴾ وَإِذَا مَسَهُ الْخَيْرُ مَنْوَعًا ﴿٢١﴾ إِلَّا الْمُصَلِّينَ

الَّذِينَ هُمْ عَلَىٰ صَلَاتِهِمْ دَائِمُونَ ﴿٢٢﴾

Maksudnya:

“Sesungguhnya manusia diciptakan bersifat keluh kesah lagi kikir. Apabila ia ditimpah kesusahan ia berkeluh kesah, Dan apabila ia mendapat kebaikan ia amat kikir, Kecuali orang-orang yang mengerjakan salat, Yang mereka itu tetap mengerjakan salatnya.”

Ia sudah pasti memberi kesan yang baik kepada kesejahteraan sesebuah masyarakat sebagaimana yang dinyatakan Allah Taala dalam firmannya: (Surah al-Hajj, ayat 77)

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءامَنُوا أَرْكَعُوا وَأَسْجَدُوا وَأَعْبُدُوا رَبَّكُمْ وَأَفْعُلُوا الْخَيْرَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Maksudnya:

“Hai orang-orang yang beriman, ruku’lah kamu, sujudlah kamu, sembahlah Tuhanmu dan perbuatlah kebajikan, supaya kamu mendapat kemenangan.”

Misi keselamatan dalam sistem akhlak juga amat jelas sekali kerana ia bertujuan menjaga keselamatan manusia daripada perbalahan kerana sifat rakus dan tidak beradab yang akan merosakkan diri manusia dalam perhubungannya dengan pihak-pihak yang lain. Sebab itu Allah Taala melarang orang Islam memburukkan Tuhan orang kafir dihadapan mereka bagi mengelakkan daripada perbalahan yang lebih teruk sebagaimana firman Allah Taala: (Surah al-A`am ayat 108)

وَلَا تَسْبُوا الَّذِينَ يَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ فَيَسْبُوا اللَّهَ عَدُوا بِغَيْرِ عِلْمٍ كَذَلِكَ زَيَّنَا لِكُلِّ أُمَّةٍ عَمَلَهُمْ ثُمَّ إِلَى رَبِّهِم مَّرْجِعُهُمْ فَيُنَيَّرُهُم بِمَا كَانُوا يَعْمَلُونَ



Maksudnya:

“Dan janganlah kamu memaki sembah-sembahan yang mereka sembah selain Allah, karena mereka nanti akan memaki Allah dengan melampaui batas tanpa pengetahuan. Demikianlah kami jadikan setiap umat menganggap baik pekerjaan mereka. Kemudian kepada Tuhan mereka kalah kembali mereka, lalu dia memberitakan kepada mereka apa yang dahulu mereka kerjakan.”

Sistem akhlak disediakan untuk membentuk manusia yang menyedari tanggungjawab terhadap semua pihak yang lain dengan tidak mengkhianati atau menzalimi mereka, seterusnya menyuburkan hubungan yang baik dan mesra (kasih sayang), sebagaimana Rasulullah s.a.w menyuruh kita memberi salam dan bertukar-tukar hadiah kerana ia akan membawa kemesraan dan kasih sayang<sup>10</sup>. Begitu juga pesanan Rasulullah s.a.w supaya tidak tamak kepada harta orang lain nescaya akan dikasih oleh orang ramai.

ازهد في الدنيا يحبك الله وازهد فيما عند الناس يحبك الناس 11

Melalui sistem muamalat maliah, Islam mengatur kaedah-kaedah yang baik bagi menjaga kepentingan semua pihak daripada penipuan dan eksplorasi kerana aktiviti muamalat maliah yang tidak dikawal akan dipergunakan untuk mengaut keuntungan secara jahat dengan mengambil kesempatan ke atas kelemahan pihak yang. Sebab itu Rasulullah s.a.w mengharamkan perbuatan menipu dalam urusan perniagaan, kerana ia akan membawa kepada perbalahan dan permusuhan. Sabda Baginda s.a.w

من غشنا فليس منا 12

Jadi jelas bahawa sistem muamalat maliah dalam Islam bertujuan untuk menjaga aspek keselamatan dan kesejahteraan semua pihak. Kalau ditinjau dalam sistem kekeluargaan Islam, didapati misi keselamatan menjadi agenda penting iaitu menjaga keselamatan keluarga daripada kepincangan dan kelemahan melalui peraturan perkahwinan, pelaksanaan tanggungjawab dan kepimpinan keluarga. Melalui

<sup>10</sup> Riwayat Bukhari dalam al-Adab al- Mufrad

<sup>11</sup> Riwayat Ibn Majah dan lain-lain, dipetik dari hadith ke 31 Matan Arba`in oleh Imam Nawawi

<sup>12</sup> Riwayat Muslim

sistem kekeluargaan akan melahirkan kasih sayang dan keharmonian. Firman Allah Taala: (Surah al-Rum, ayat 21)

وَمِنْ ءَايَاتِهِ أَنَّ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَةٌ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ [14]

Maksudnya:..

“Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah dia menciptakan untukmu isteri-isteri dari jenismu sendiri, supaya kamu cenderung dan merasa tenteram kepadanya, dan dijadikan-Nya di antaramu rasa kasih dan sayang. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi kaum yang berfikir.”

Dalam konteks sistem politik/pemerintahan, secara jelas Islam meletakkan matlamatnya adalah untuk menjaga keselamatan rakyat dan menjamin semua kepentingan hidup mereka melalui sistem kepimpinan, perundangan dan sebagainya.

Menurut Ibn Farhun, Undang-undang qisas bertujuan menjaga keselamatan nyawa dan anggota manusia sebagaimana yang ditegaskan oleh Allah Taala sendiri dalam firmannya: (Surah al-Baqarah, ayat 179)

وَلَكُمْ فِي الْقِصَاصِ حِيَةٌ يَأْوِي إِلَى الْبَيْنَ لَعَلَّكُمْ تَتَقَوَّنَ [15]

Maksudnya:

“Dan dalam qisas itu ada (jaminan kelangsungan) hidup bagimu, hai orang-orang yang berakal, supaya kamu bertakwa.”

Undang-undang hudud zina bertujuan menjaga keselamatan keturunan, undang-undang hudud qazaf (fitnah berzina) bertujuan menyelamatkan maruah diri, undang-undang hudud mencuri bertujuan menyelamatkan harta, undang-undang hudud arak bertujuan menjaga keselamatan akal dan undang-undang takzir adalah bertujuan mencegah gejala jenayah dan mengawalnya daripada merebak.<sup>13</sup>

## WASILAH BAGI MENJAYAKAN KESELAMATAN DAN KESEJAHTERAAN MASYARAKAT

Islam menggunakan wasilah bersepada dalam merealisasikan matlamat keselamatan dan kesejahteraan masyarakat. Ia merupakan dua wasilah yang digerakkan bersama sebagaimana yang digarap oleh al-Quran dan al-Sunnah. Beberapa orang ulama Islam menamakan wasilah itu sebagai wasilah positif dan wasilah negatif. Wasilah positif ialah mana-mana cara dan pendekatan yang bersifat pembinaan dan pengukuhan atau rawatan. Manakala wasilah negatif pula ia melibatkan kaedah kawalan dan pencegahan.

<sup>13</sup> Ibn Farhun, **Tabsirah al-Hukkam fi Usul al-Aqdiyah wa Manahij al-Ahkam** (t.t) Beirut; Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, juz2 hal. 105

## Pertama: Wasilah Positif (Membangun)

Di antara kaedah yang Allah Taala dan Rasulnya tetapkan kepada kita untuk membangunkan keselamatan dan kesejahteraan masyarakat ialah:

### *Pendidikan Aqidah dan asas di rumah/ dalam keluarga*

Firman Allah Taala: (Surah al-Isra' ayat 23-24)

﴿ وَقَضَى رَبُّكَ أَلَا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَنَا إِمَّا يَلْعَنَنَّ عِنْدَكَ الْكِبَرَ أَحَدُهُمَا أَوْ كِلَّاهُمَا فَلَا تَقُولْ لَهُمَا أُفِّ وَلَا تَنْهَرْهُمَا وَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا ﴾ وَأَخْفِضْ لَهُمَا جَنَاحَ الْذُلِّ مِنْ أَرْحَمَةٍ وَقُلْ رَبِّ أَرْحَمَهُمَا كَمَا رَبَّيَانِي صَغِيرًا ﴾

Maksudnya:.

"Dan Tuhanmu Telah memerintahkan supaya kamu jangan menyembah selain dia dan hendaklah kamu berbuat baik pada ibu bapakmu dengan sebaik-baiknya. jika salah seorang di antara keduanya atau kedua-duanya sampai berumur lanjut dalam pemeliharaanmu, Maka sekali-kali janganlah kamu mengatakan kepada keduanya perkataan "ah" dan janganlah kamu membentak mereka dan ucapkanlah kepada mereka perkataan yang mulia

Dan rendahkanlah dirimu terhadap mereka berdua dengan penuh kesayangan dan ucapkanlah: "Wahai Tuhanku, kasihilah mereka keduanya, sebagaimana mereka berdua Telah mendidik Aku waktu kecil".

Pendidikan aqidah asas dalam keluarga akan melahirkan generasi muda yang bersih akidah dan mulia dari segi akhlak dan peribadinya.

Menanam dan menyuburkan sifat ukhuwwah, mawaddah, rahmah dan ta'atuf:

Sabda Nabi s.a.w:

الْمُسْلِمُ أَخْوُ الْمُسْلِمِ لَا يُظْلِمُهُ وَلَا يُسْلِمُهُ، مِنْ كَانَ فِي حَاجَةٍ أَخْيَهُ كَانَ اللَّهُ فِي حَاجَتِهِ  
وَمِنْ فَرْجٍ عَنِ الْمُسْلِمِ كَرْبَلَةُ فَرْجُ اللَّهِ عَنْهُ كَرْبَلَةُ مِنْ كَرْبَلَةِ يَوْمِ الْقِيَامَةِ وَمِنْ سَرْتَهُ اللَّهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ ۖ

Sabda Rasulullah s.a.w:

الْمُؤْمِنُ لِلْمُؤْمِنِ كَالْبَنِيَانِ يُشَدُّ بَعْضُهُ بَعْضًا ۱۵

Sabda Rasulullah s.a.w:

لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّىٰ يُحِبَّ لِأَخِيهِ مَا يُحِبُّ لِنَفْسِهِ ۱۶

Sabda Rasulullah s.a.w:

<sup>14</sup> Riwayat Bukhari dan Muslim

<sup>15</sup> Riwayat Bukhari

<sup>16</sup> Riwayat Bukhari dan Muslim, Hadith ke 13 dalam Matan Arba'in oleh Imam Nawawi

مثل المؤمنين في توادهم وتراحمهم وتعاطفهم كمثل الجسد الواحد ،

إذا اشتكي منه عضو تداعى له سائر الجسد بالسهر والحمى<sup>17</sup>

Sifat tersebut akan menghidupkan perhubungan atau interaksi yang mantap dalam masyarakat menghidupkan amalan syura.

Firman Allah Taala: (Surah aal Imran ayat 159)

وَاسْتَغْفِرُهُمْ وَشَاوِرُهُمْ فِي الْأَمْرِ

Ia menghidupkan ciri-ciri kerjasama.

Melaksanakan Amar Makruf dan Nahi Mungkar, memberi bimbingan, nasihat dan teguran:  
Firman Allah Taala:(Surah al-Taubah ayat 71)

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلَيَاءٌ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَا عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُقْيِمُونَ الْصَّلَاةَ  
وَيُؤْتُونَ الزَّكَوةَ وَيُطِيعُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ أَوْلَيْكُمْ سَيِّدُهُمُ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ  
٦١

Maksudnya:

“Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, sebahagian mereka (adalah) menjadi penolong bagi sebahagian yang lain. mereka menyuruh (mengerjakan) yang ma'ruf, mencegah dari yang mungkar, mendirikan salat, menunaikan zakat dan mereka taat kepada Allah dan Rasul-Nya. mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; sesungguhnya Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.”

Sabda Rasulullah s.a.w:

من رأى منكراً فليغيره بيده، فإن لم يستطع فبلسانه، فإن لم يستطع فبقلبه ، وذلك أضعف الإيمان<sup>18</sup>

Amar makruf nahi mungkar dapat menghidupkan semangat perjuangan dalam masyarakat.

Memberi pertolongan dan bekerjasama dalam setiap perkara yang mendatangkan kebaikan:  
Firman Allah Taala: (Surah al-Maedah ayat 2)

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْإِيمَانِ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِلَاثِ وَالْعُدُونِ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ  
١

Maksudnya:

“Dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan takwa, dan jangan tolong-menolong dalam berbuat dosa dan pelanggaran. dan bertakwalah kamu kepada Allah, Sesungguhnya Allah amat berat siksa-Nya.”

<sup>17</sup> Riwayat Muslim

<sup>18</sup> Riwayat Muslim, Hadith ke 34 dalam Matan Arba`in oleh Imam Nawawi

Sabda Rasulullah s.a.w:

من نفس عن مؤمن كربة من كرب الدنيا، نفس الله عنه كربة من كرب يوم القيمة، ومن يسر على معاشر، يسر الله عليه في الدنيا والآخرة، والله في عون العبد ما دام العبد في عون أخيه، ومن سلك طريقاً يلتمس فيه علماً سهل الله له به طريقة إلى الجنة، وما اجتمع قوم في بيت من بيوت الله يتلو كتاب الله ويتدارسونه بينهم إلا نزلت عليهم السكينة وغشيتهم الرحمة وحفتهم الملائكة وذكرهم الله فيمن عنده ومن بطاً به عمله لم يسرع به نسبة<sup>19</sup>

Memberi bantuan kewangan kepada orang memerlukan dan menanggung bersama kesusahan orang lain. Masyarakat merasa ceria dan gembira berada dalam situasi tolol menolong

Mendamaikan perbalahan dan selesaikan pertikaian:

Firman Allah Taala: (Surah al-Hujurat ayat 10)

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْرَاجٌ فَاصْلِحُوهُ بَيْنَ أَخْوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرَحَّمُونَ ﴿١٠﴾

Maksudnya:

“Orang-orang beriman itu sesungguhnya bersaudara, sebab itu damaikanlah (perbaikilah hubungan) antara kedua saudaramu itu dan takutlah terhadap Allah, supaya kamu mendapat rahmat.”

Masyarakat terhindar dari krisis dan perbalahan yang berterusan.

Menyuburkan adab pergaulan dan percakapan (Surah al-Hujurat ayat 2):

يَتَآءِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَرْفَعُوا أَصْوَاتَكُمْ فَوْقَ صَوْتِ النَّبِيِّ وَلَا تَجْهَرُوْلَهُ بِالْقَوْلِ كَجَهْرِ بَعْضِكُمْ لِبَعْضٍ  
أَنْ تَحْبَطَ أَعْمَالُكُمْ وَأَنْتُمْ لَا تَشْعُرُونَ ﴿٢﴾

Masyarakat akan dihormati.

Menanam dan membudayakan sifat unggul dan terpuji, termasuk etika pakaian Islam:

Firman Allah Taala: (Surah al-Furqan ayat 63)

وَعِبَادُ الرَّحْمَنِ الَّذِينَ يَمْشُونَ عَلَى الْأَرْضِ هُوَنَا وَإِذَا خَاطَبُهُمُ الْجَاهِلُونَ قَالُوا سَلَامًا ﴿٦٣﴾

Maksudnya:

“Dan hamba-hamba Tuhan yang Maha Penyayang itu (ialah) orang-orang yang berjalan di atas bumi dengan rendah hati dan apabila orang-orang jahil menyapa mereka, mereka mengucapkan kata-kata (yang mengandung) keselamatan.”

<sup>19</sup> Riwayat Muslim, Hadith ke 36 Matan Arba`in oleh Imam Nawawi

Sabda Rasulullah s.a.w:

من كان يؤمن بالله واليوم الاخر فليقل خيراً أو ليصمت، من كان يؤمن بالله واليوم الاخر  
فليكرم جاره ،من كان يؤمن بالله واليوم الاخر فليكرم ضيفه ٢٠

Sabda Rasulullah s.a.w:

إذا لم تستح فاصنع ما شئت ٢١

Sabda Rasulullah s.a.w:

إن الله كتب الحسنات والسيئات، ثم بين ذلك، فمنهم بمحسنة فلم ي عملها كتبها الله عنده حسنة كاملة ،  
وإنهم بها فعملها كتبها الله عنده عشر حسنات إلى سبعمائة ضعف إلى أضعاف كثيرة ،  
وإنهم بسيئة فلم ي عملها كتبه الله عنده حسنة كاملة، وإنهم بها فعملها، كتبها الله سيئة واحدة ٢٢

Masyarakat menjadi bertamaddun.

Melalui asas-asas kemasyarakatan Islam yang kukuh di atas, masyarakat dan negara akan menikmati kesejahteraan dan keselamatan dari gejala jenayah yang serius.

## Kedua: Wasilah Negatif.(Mengawal dan mencegah)

Di antara kaedah yang Allah Taala dan Rasulnya tetapkan kepada kita untuk mengawal dan mencegah perkara-perkara yang boleh meruntuhkan keselamatan dan kesejahteraan masyarakat ialah:

Menapis maklumat dan berita dengan rapi dan baik serta menyekat fitnah:

Firman Allah Taala: (Surah al-Hujurat ayat 6)

يَتَأْمِنُ الَّذِينَ إِنْ جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ فَبَيَّنُوا أَنْ تُصِيبُوا قَوْمًا بِجَهَلٍ فَتُصِيبُوهُمْ عَلَى مَا فَعَلْتُمْ نَدِيمٌ ﴿٦﴾

Maksudnya:

“Hai orang-orang yang beriman, jika datang kepadamu orang fasik membawa suatu berita, maka periksalah dengan teliti agar kamu tidak menimpa suatu musibah kepada suatu kaum tanpa mengetahui keadaannya yang menyebabkan kamu menyesal atas perbuatanmu itu.”

Firman Allah Taala: (Surah al-Baqarah ayat 191)

الْقَتْلُ مِنْ أَشَدُ وَالْفِتْنَةُ

<sup>20</sup> Riwayat Bukhari dan Muslim, Hadith ke 15 Matan Arba`in oleh Imam Nawawi

<sup>21</sup> Riwayat Bukhari Hadith ke 20 Matan Arba`in oleh Imam Nawawi

<sup>22</sup> Riwayat Bukhari dan Muslim, Matan Arba`in oleh Iman Nawawi

Menyekat amalan menipu dalam harta:

Firman Allah Taala: (Surah al-Baqarah ayat 188)

مِنْ فَرِيقًا لِتَأْكُلُوا أَحْكَامَ إِلَيْهَا وَتُدْلُوْا بِالْبَطْلِ بَيْنَكُمْ أَمْوَالُكُمْ تَأْكُلُوا وَلَا

تَعْلَمُونَ وَأَنْتُمْ بِالْأَثْمِ أَنَّ النَّاسَ أَمْوَالٍ 

Maksudnya:

“Dan janganlah sebahagian kamu memakan harta sebahagian yang lain di antara kamu dengan jalan yang bathil dan (janganlah) kamu membawa (urusan) harta itu kepada hakim, supaya kamu dapat memakan sebahagian daripada harta benda orang lain itu dengan (jalan berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui.”

Menghapuskan perbuatan menzalimi orang lain:

Sabda Rasulullah s.a.w:

لا يحل دم امرئ مسلم إلا بإحدى ثلات: الشيب الزاني والنفس بالنفس والتارك لدینه المفارق للجماعة <sup>٢٣</sup>

Hadith Qudsi:

يَا عَبْدِي، إِنِّي حَرَمْتُ الظُّلْمَ عَلَى نَفْسِي وَجَعَلْتُ بَيْنَكُمْ مَحْرَماً فَلَا تَظَالِمُوا <sup>٢٤</sup>

Mengawal perbuatan mencerca dan memburuk orang lain seperti mengumpat:

Firman Allah Taala: (Surah al-Hujurat ayat 11)

يَتَآءِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا يَسْخَرُ قَوْمٌ مِنْ قَوْمٍ عَسَى أَنْ يَكُونُوا خَيْرًا مِنْهُمْ وَلَا نِسَاءٌ مِنْ نِسَاءٍ عَسَى أَنْ يَكُونُوا

خَيْرًا مِنْهُنَّ وَلَا تَلْمِرُوا أَنفُسَكُمْ وَلَا تَنَابِرُوا بِالْأَلْقَبِ بِئْسَ الْأَسْمُ الْفُسُوقُ بَعْدَ الْإِيمَانِ وَمَنْ لَمْ يَتُبْ

فَأُولَئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ 

Maksudnya:

“Hai orang-orang yang beriman, janganlah sekumpulan orang laki-laki merendahkan kumpulan yang lain, boleh jadi yang ditertawakan itu lebih baik dari mereka. dan jangan pula sekumpulan perempuan merendahkan kumpulan lainnya, boleh jadi yang direndahkan itu lebih baik. dan janganlah suka mencela dirimu sendiridan jangan memanggil dengan gelaran yang mengandung ejekan. seburuk-buruk panggilan adalah (panggilan) yang buruk sesudah iman dan barangsiapa yang tidak bertobat, Maka mereka Itulah orang-orang yang zalim.”

Mengawal perbuatan dengki, hasad dan adu domba:

<sup>23</sup> Riwayat Bukhari dan Muslim, Hadith ke 14 Matan Arba`in oleh Imam Nawawi

<sup>24</sup> Riwayat Muslim, Hadith ke 24 Matan Arba`in oleh Imam Nawawi

لَا تَحَاسِدُوا وَلَا تَنْجِشُوا وَلَا تَدَابِرُوا وَلَا بَيْعٌ بَعْضُكُمْ عَلَى بَيْعٍ بَعْضٍ، وَكُونُوا عِبَادَ اللَّهِ إِخْوَانًا.  
الْمُسْلِمُ أَخُو الْمُسْلِمِ، لَا يَظْلِمُهُ وَلَا يَخْذُلُهُ وَلَا يَحْقِرُهُ ، التَّقْوَى هُنَّا -وَيُشَيرُ إِلَى صِدْرِهِ ثَلَاثَ  
مَرَاتٍ - بِحَسْبِ اْمْرِئٍ مِّنَ الشَّرِّ أَنْ يَحْقِرَ أَخَاهُ الْمُسْلِمَ. كُلُّ الْمُسْلِمِ حَرَامٌ دَمُهُ وَمَالُهُ وَعَرْضُهُ ۲۵.

Sebenarnya Islam telah menetapkan prinsip yang kukuh dalam hubungan dua hala ini iaitu tidak ada orang yang dibenarkan melakukan perkara yang memudharatkan orang lain. Kawalan ini sudah pasti dapat menghindarkan masyarakat daripada gejala perbalahan dan jenayah. Prinsip itu disebut oleh Rasulullah s.a.w :

لَا ضَرَرٌ وَلَا ضَرَارٌ ۖ<sup>25</sup>

### MAKENISME KAWALAN JENAYAH

Islam membawa nilai pembangunan yang bersepadau antara aspek fizikal dan spiritual, namun Islam menolak konsep pembangunan fizikal yang meruntuhkan nilai-nilai kemuliaan. Dalam sistem politik dan ekonomi moden, persoalan nilai dan etika dilihat sebagai aspek peribadi dan hak individu. Seseorang tidak mencampuri urusan orang lain dalam mengamalkan nilai keagamaan, ibadat dan sebagainya. Perkara ini bercanggah dengan ajaran Islam yang meletakkan semua urusan peribadi yang melibatkan kepentingan awam adalah merupakan persoalan masyarakat dan negara yang mesti diurus dan ditabdirkan oleh pihak berkuasa dengan baik dan berkesan. Oleh itu segala unsur keperibadian yang unggul mesti disuburkan, kerana ia akan meningkatkan keselamatan masyarakat. Sebaliknya unsur-unsur negatif yang dilakukan oleh individu yang hidup dalam masyarakat itulah yang mencetuskan berbagai fenomena jenayah jika dibiarkan atau disuburkan.

Daripada perbincangan di atas, jelas kepada kita bahawa persoalan jenayah menurut Islam adalah suatu fenomena keruntuhan nilai dan kegagalan pegangan agama dalam diri individu yang akhirnya menyebabkan masyarakat tersebut dipenuhi dengan gejala jenayah dan kejahatan yang serius. Hakikat ini sangat jelas daripada ayat-ayat al-Quran dan hadith-hadith Nabi s.a.w yang menggambarkan bahawa orang yang tidak berakhhlak dan runtuh peribadinya adalah orang yang rendah nilai agamanya atau mungkin lebih teruk dari itu sebagaimana yang dapat dilihat dalam hadith yang menyebut tidak beriman seserang yang tidak kasih kepada saudaranya, tidak beriman orang yang tidak amanah atau khianat, tidak beriman orang yang tidur kekenyangan sedangkan jirannya kelaparan. Sebaliknya dia kui beriman dan baik apabila seseorang itu berakhhlak mulia terhadap orang lain seperti memuliakan jiran, bercakap benar, tidak menipu dan sebagainya. Kelemahan nilai agama dalam diri adalah faktor terpenting yang mendedahkan seseorang itu kepada perbuatan jahat atau jenayah. Sesbuah masyarakat yang memiliki anggota masyarakat yang berkualiti itu tidak mudah terjebak dalam gejala jenayah kerana mereka mempunyai jatidiri dan pegangan yang baik. Maka masyarakat tersebut dapat mengatasi masalah jenayah melalui peranan akhlak dan adab yang diajar oleh agama Islam itu sendiri. Tetapi kebiasaannya masyarakat atau negara itu dikatakan rosak dan punah itu apabila anggota yang hidup di dalamnya tidak beradab dan hilang akhlak diri, sehingga melakukan jenayah dan kejahatan yang berleluasa.

<sup>25</sup>Riwayat Muslim, Hadith ke 35 Matan Arba'in oleh Imam Nawawi

<sup>26</sup>Riwayat Ibn Majah, Hadith ke 31 Matan Arba'in oleh Imam Nawawi.

Oleh itu Islam menggunakan kaedah mencegah dan mengawal unsur jenayah daripada berlaku melalui berbagai langkah seperti yang dinyatakan diatas terutamanya melalui pengukuhan aqidah, ibadat dan akhlak, pengawalan unsur-unsur seks haram seperti pergaulan bebas dan pendedahan aurat dan sebagainya. Sekiranya jenayah masih juga berlaku, maka Islam akan menggunakan undang-undang Islam yang dikenali sebagai Hudud, Qisas dan Ta`zir. Semua ini merupakan peranan utama bagi sebuah kerajaan Islam. Sebab itu persoalan sistem sosial dan jaminan keadilan serta pengawalan jenayah tidak boleh sama sekali dipisahkan daripada makinisme kerajaan sebagai pihak yang paling penting dan berpengaruh. Oleh itu kalau muh keamanan dan kesejahteraan, maka masyarakat mesti menegakkan sistem pemerintahan Islam yang berwibawa. Sebuah pemerintahan Islam yang berwibawa akan berusaha membangunkan institusi keluarga yang benar-benar berkualiti yang dapat berperanan secara langsung dalam membangunkan individu terbaik untuk mengisi segala keperluan sumber manusia dalam masyarakat dan negara. Sumber manusia yang terbaik yang dilahirkan itu sudah pasti tidak menjadi watak-watak jahat yang melakukan rasuah, penyelewengan dan penipuan kepada harta rakyat, tidak melakukan kezaliman kepada orang lain dan tidak mendokong kemungkaran. Tetapi mereka merupakan pendokong kesejahteraan dan keadilan.

### **KAWALAN JENAYAH MELALUI SISTEM KEMASYARAKATAN SEKARANG: SATU PENILAIAN**

Program kawalan jenayah dalam masyarakat kita sekarang sudah banyak dilakukan oleh pihak kerajaan mengikut kaedah yang tertentu, malah sudah banyak wang digunakan untuk tujuan tersebut. Namun persoalannya kerajaan sebenarnya tidak bersungguh-sungguh kearah itu apabila membiarkan banyak unsur yang mendorong kepada jenayah terus subur dalam berbagai aspek seperti gejala rasuah, penyelewengan dan sebagainnya. Oleh itu kita harus meneliti berbagai faktor yang menggagalkan usaha masyarakat untuk mengatasi gejala jenayah yang begitu parah dalam negara sekarang, supaya ada usaha yang sungguh-sungguh untuk memperbaiki kepincangan tersebut. Di antara faktor tersebut ialah: Prinsip dan amalan politik sekular (bercanggah dengan kehendak Islam) yang berbagai jenama dalam negara masih terus diamalkan, seperti politik kebangsaan, demokrasi dan sebagainya. Sistem ini akan membawa masyarakat jauh dan semakin jauh dari nilai agama dan akhlak.

Sistem Perundangan Barat yang bercanggah dengan Islam masih kuat dipertahankan. Sistem ini akan mendatangkan kemurkaan Allah dan kecelakaan. Penyuburan pengaruh kebendaan dan keduniaan yang melampau. Budaya ini akan melahirkan generasi yang tamak dan rakus serta mementingkan diri sendiri.

Pemimpin yang lemah pegangan Islam atau tidak yakin kepada kemampuan Islam. Golongan tersebut tidak mampu memimpin kepada nilai-nilai mulia kerana mereka menjadi orang yang paling kuat mengabdikan diri kepada harta, pangkat dan kuasa melalui cara-cara yang tidak beretika dan kotor.

Sistem pendidikan Islam yang lemah dan dipinggirkan. Masa depan generasi tidak terpimpin dengan roh agama yang sebenar, tetapi agama hanya menjadi penghias majlis semata-mata.

Kezaliman pemerintah dan ketidakadilan kerajaan. Kekejaman dan penyelewengan pemerintahan akan membawa kepada kebencian dan kemarahan dalam masyarakat. Hilangnya kasih sayang masyarakat sesama mereka, sebaliknya masing-masing hanya

mencari jalan untuk menyelamatkan diri sendiri atau menjaga kepentingan keluarga sendiri tanpa mengambil peduli urusan masyarakat.

## PENUTUP

Kalau panduan hidup bermasyarakat yang ditunjukkan oleh Islam dihidupkan dalam sistem pentadbiran negara dan seluruh institusinya, maka ia akan memberikan pengaruh yang sangat hebat kepada cara hidup anggota masyarakat. Sudah tentu masyarakat akan berbangga dengan amalan mulia dan akhlak terpuji, kerana ia menjadi pegangan pemimpin mereka, dan harapan untuk menghapuskan gejala jenayah lebih tinggi. Namun begitu, orang ramai tidak akan menghargai akhlak dan peribadi mulia jika orang yang rosak akhlak dalam masyarakat, lebih disanjung dan diberikan kedudukan sehingga ke jawatan pemimpin negara dan sebagainya. Dengan itu hilanglah peranan sistem kemasyarakatan Islam untuk membawa kesejahteraan, sebaliknya masyarakat kita akan terus menuju kepincangan dan kejatuhan.

## RUJUKAN

- Abu Zahrah, **al-Jarimah wa al-Uqubah di al-Fiqh al-Islami** (t.t) Dar al-Fikr al-Arabiyy  
Abdul Qadir Audah, **al-Tayri` al-Jina'I al-Islamiy, Muqaranan bi al-Qanun al-Wad'I**  
(1986) Beirut, Muassasah al-Risalah
- Dr. Abdussalam Muhammad al-Syarif, **al-Mabadi' al-Syari'iyyah fi Ahkam al-Uqbat fi  
al-Fiqh al-Islamiy.** (1698) Beirut; Dar al-Gharb al-islamiy
- Dr. Ahmad Fathi Bahnasi, **al-Jara'im fi al-Fiqh al-Islamiy** (1983) Beirut, Dar al-Syuruq.  
Ibn Farhun, **Tabsirah al-Hukkam fi Usul al-Aqdiyah wa Manahij al-Ahkam** (t.t) Beirut;  
Dar al-Kutub al-Ilmiyyah
- Ibn Kathir, **Nihayah al-Bidayah wa I-Nihayah fi al-Fitan wa al-Malhim**, (1993) Beirut;  
Dar Ihya al-Turath al-Arabiyy
- Dr. Muhammad Hasan Abu Yahya, **Ahdaf al-Tasyri` al-Islamiy**, (1985) Amman; Dar al-  
Furqan li al-Nayr wa al-Tauzi`
- Sa'di Abu Jaib, **al-Qamus al-Fiqhi, Lughatan wa istilahan**, (1988) Dimasyq, Dar al-Fikr